

17 DEC 1998

Mahathir-Minyak/I

MAHATHIR LANCAR PENGELUARAN MINYAK MENTAH KOMERSIL

Oleh: Muin Abdul Majid

HANOI, 17 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan secara rasmi pengeluaran minyak mentah komersil daripada Medan Minyak Ruby di luar pesisir Vietnam yang dikendalikan oleh Petronas, perbadanan minyak kebangsaan.

Medan Minyak Ruby yang terletak kira-kira 155 kilometer ke timur bandar Vung Tau di selatan Vietnam, adalah projek penerokaan dan pengeluaran luar negara pertama yang dikendalikan oleh Petronas sebagai pengusaha.

Pengeluaran komersil medan minyak itu pada kadar permulaan 8,000 tong sehari (bpd) bermula pada 22 Okt tahun ini.

Medan minyak itu dijangka mengeluarkan 20,000 bpd pada 1999 dan meningkat kepada 25,000 bpd menjelang 2000.

Upacara pelancaran diadakan di Hotel Meritus Westlake di sini yang dirasmikan bersama oleh Dr Mahathir dan rakan sejawatannya dari Vietnam, Phan Van Khai.

Dr Mahathir akan pulang ke Kuala Lumpur tengah hari ini selepas menghadiri Sidang Kemuncak Asean yang berakhir semalam.

Pengerusi Petronas Tan Sri Azizan Zainul Abidin dalam ucapannya berkata dengan bermulanya operasi itu ia adalah sebagai kemuncak kepada usaha-usaha yang dijalankan selama lapan tahun yang membabitkan pelaburan lebih AS\$200 juta (AS\$1 = RM3.8).

Beliau berkata ia adalah penerokaan hulu utama yang pertama di luar Malaysia yang dikendalikan oleh perbadanan itu selepas memutuskan untuk memulakan pengembangan operasi ke peringkat antarabangsa pada 1990.

Ia juga adalah penerokaan luar negara pertama di mana Petronas memainkan peranan sebagai pengusaha dengan bertanggungjawab bagi keseluruhan spektrum, operasi hulu daripada penerokaan kepada pengeluaran.

Azizan berkata sehingga kini, Petronas telah melabur lebih daripada AS\$360 juta dalam kedua-dua projek hulu dan hiliran minyak dan gas di Vietnam.

Petronas mengusahakan medan itu yang terletak dalam blok 01 dan 02 di bawah kontrak perkongsian pengeluaran yang dimeterai pada 9 Sept, 1991 dengan PetroVietnam, syarikat minyak negara Vietnam.

Petronas mempunyai 85 peratus ekuiti dalam kedua-dua blok itu manakala baki selebihnya sebanyak 15 peratus dimiliki anak syarikat PetroVietnam, syarikat PetroVietnam Exploration and Production.

Medan Ruby itu ditemui pada Jun 1994 dan diumumkan berdaya maju secara komersil pada Ogos 1995.

-- BERNAMA

MAM ZK OS